

D.R. 24/2009

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996.

[1

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 [*Akta 545*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam tajuk panjang dengan memotong perkataan "Luar Pesisir".

Pindaan seksyen 1

3. Seksyen 1 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan "Luar Pesisir".

Pindaan seksyen 2**4. Seksyen 2 Akta ibu dipinda-****(a) dalam subseksyen (1)-**

- (i) dengan memasukkan selepas takrif "Bank" takrif yang berikut:

' "institusi kewangan Labuan" ertinya mana-mana orang yang-

(a) menyediakan perkhidmatan kewangan Labuan; atau

(b) diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual;;

- (ii) dengan memotong takrif "institusi kewangan luar pesisir";

- (iii) dengan memasukkan selepas takrif "jawatankuasa" takrif yang berikut:

' "Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 5;;

- (iv) dengan menggantikan takrif "Labuan" dengan takrif yang berikut:

' "Labuan" ertinya Wilayah Persekutuan Labuan;;

- (v) dalam takrif "Lembaga", dengan memotong perkataan "Luar Pesisir";

- (vi) dengan memasukkan selepas takrif "Pengerusi" takrif yang berikut:

' "perbadanan" ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan atau diperbadankan atau wujud di dalam atau di luar Malaysia dan termasuklah mana-mana syarikat Labuan asing sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Syarikat Labuan 1990 [Akta 441] tetapi tidak termasuk-

(a) mana-mana perbadanan seorang;

(b) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan

(c) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan koperasi;

"perkhidmatan kewangan Labuan" ertinya apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual;'; dan

(vii) dengan memotong takrif "perkhidmatan kewangan luar pesisir"; dan

(b) dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan seksyen 3

5. Seksyen 3 Akta ibu dipinda-

(a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan "Luar Pesisir"; dan

(b) dalam subseksyen (2)-

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan "pusat bagi perkhidmatan kewangan luar pesisir" dengan perkataan "suatu pusat antarabangsa bagi perniagaan dan perkhidmatan kewangan";

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan "perkhidmatan kewangan luar pesisir di Labuan, dan membuat syor kepada Menteri berkenaan dengannya." dengan perkataan "perniagaan antarabangsa dan perkhidmatan kewangan di Labuan; dan"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

"(c) untuk bertindak sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan, penyeliaan dan penguatkuasaan pusat bagi industri perniagaan antarabangsa dan perkhidmatan kewangan di Labuan.".

Pindaan seksyen 4**6. Seksyen 4 Akta ibu dipinda-****(a) dalam subseksyen (1)-**

- (i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

"(a) untuk mentadbir, menguatkuasakan, menjalankan dan melaksanakan peruntukan Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa jua yang bersampingan dengan undang-undang itu dan untuk memastikan bahawa undang-undang itu dipatuhi;"

- (ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) untuk mengekalkan reputasi baik Labuan sebagai suatu pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa;"

- (iii) dalam perenggan (d) dan (e), dengan memotong perkataan "luar pesisir";

- (iv) dengan menggantikan perenggan (f) dengan perenggan yang berikut:

" (f) untuk bekerjasama dengan institusi kewangan Labuan dan persatuan profesional dan industri di Labuan untuk memajukan dan mengadakan perkhidmatan kewangan dan menggalakkan standard yang tinggi bagi perkhidmatan kewangan Labuan;"

- (v) dengan menggantikan perenggan (g) dengan perenggan yang berikut:

"(g) untuk menasihati dan membuat syor kepada Menteri mengenai perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan Labuan; dan"; dan

(vi) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

"(h) untuk menjalankan semua aktiviti dan melakukan semua perkara sebagaimana yang perlu atau bermanfaat dan wajar bagi pentadbiran Lembaga, atau bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.";

(b) dengan memotong subseksyen (3);

(c) dalam perenggan (4)(c), dengan memasukkan selepas perkataan "Akta ini" perkataan "atau mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual"; dan

(d) dengan memotong subseksyen (5) dan (6).

Seksyen baru 4A, 4B dan 4c

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan

4A. (1) Lembaga boleh, berkenaan dengan Akta ini atau mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan Labuan, mengeluarkan apa-apa garis panduan untuk menjelaskan mana-mana peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual atau untuk memudahkan pematuhan undang-undang oleh institusi kewangan Labuan atau apa-apa perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan Labuan.

(2) Lembaga boleh meminda atau membatalkan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

Kuasa untuk mengeluarkan arahan

4B. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan Labuan, jika

Lembaga berpuas hati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian bagi maksud melaksanakan objektif Lembaga, Lembaga boleh mengeluarkan arahan kepada suatu institusi kewangan Labuan berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) dasar yang hendaklah diikuti oleh institusi kewangan Labuan itu yang berhubungan dengan penjalanan perniagaan institusi itu di Labuan;
- (b) penyeliaan dan pengawalseliaan institusi kewangan Labuan itu menurut undang-undang yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan Labuan;
- (c) dasar kewangan yang hendaklah dilaksanakan oleh institusi kewangan Labuan itu; dan
- (d) tindakan yang hendaklah diambil oleh institusi kewangan Labuan itu yang berhubungan dengan anggotanya atau pekhidmatnya.

(2) Mana-mana institusi kewangan Labuan yang tidak mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda, apabila disabitkan-

(a) dalam hal seseorang individu-

- (i) boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit; dan
- (ii) bagi kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi dua ribu lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan

(b) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan atau perkongsian-

- (i) boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; dan
- (ii) bagi kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

*Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir
Labuan (Pindaan)*

1

Kuasa untuk menyiarkan maklumat

4c. (1) Lembaga boleh menyiarkan apa-apa maklumat berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan Labuan atau apa-apa maklumat lain yang disifatkan oleh Lembaga mempunyai kepentingan awam.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), Lembaga boleh menyiarkan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan apa-apa tindakan yang diambil oleh Lembaga terhadap mana-mana institusi kewangan Labuan."

Pindaan seksyen 9

8. Subseksyen 9(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "luar pesisir" dengan perkataan "Labuan".

Pindaan seksyen 13

9. Subseksyen 13(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan "Luar Pesisir".

Pindaan seksyen 14

10. Subseksyen 14(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "fungsi atau kuasa" perkataan "di bawah Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual".

Pindaan seksyen 15

11. Subseksyen 15(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "di bawah Akta ini" perkataan "dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual".

Pindaan seksyen 17

12. Seksyen 17 Akta ibu dipinda dalam perenggan (1)(a) dan 6(a) dengan menggantikan perkataan "luar pesisir" dengan perkataan "Labuan".

Pindaan seksyen 18A

13. Seksyen 18A Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan "Luar Pesisir" di mana-mana jua terdapat dalam seksyen itu.

Pindaan tajuk Bahagian IIA

14. Tajuk Bahagian IIA Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "PENYERAHAN" dengan perkataan "KUASA PENGUATKUASAAN".

Pindaan seksyen 28A

15. Seksyen 28A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam takrif "pihak berkuasa" dengan memasukkan selepas perkataan "mana-mana pihak berkuasa" perkataan "yang diletakhakkan dengan kuasa penyeliaan dan pengawalseliaan atau kuasa penguatkuasaan";
- (b) dengan memotong takrif "kemudahan kredit", "pemegang lesen", "pengurus kumpulan wang", "penyimpan" dan "syarikat amanah";
- (c) dengan memasukkan selepas takrif "bank luar pesisir berlesen" takrif yang berikut:

' "harta" ertinya-

- (a) tiap-tiap jenis aset, sama ada yang zahir atau tidak zahir, harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperolehi; dan

(b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa-apa bentuk yang menjadi keterangan tentang hakmilik atau kepentingan dalam aset yang disebut dalam perenggan (a), termasuk cek bank, kiriman wang, syer, sekuriti, bon, draf dan surat kredit; dan

(d) dengan memasukkan selepas takrif "kesalahan jenayah" takrif yang berikut:

' "pegawai polis" ertinya mana-mana anggota Polis Diraja Malaysia sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Polis 1967 [Akta 344];'.

Pindaan seksyen 28B

16. Seksyen 28B Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "in exercise of" dengan perkataan "in the exercise of; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan "mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir" dengan perkataan "undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual";

(b) dengan memotong subseksyen (2);

(c) dengan memotong subseksyen (4);

(d) dengan menggantikan subseksyen (5), (6) dan (7) dengan subseksyen yang berikut:

"(5) Apa-apa maklumat yang diperoleh oleh Lembaga di bawah subseksyen (1) atau mana-mana peruntukan lain Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual adalah sulit dan rahsia antara Lembaga dengan orang yang memberikannya, dan tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen yang dalam pengetahuannya telah dizahirkan dengan melanggar subseksyen ini boleh dengan apa-apa cara menzahirkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang lain.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), Lembaga boleh, memberi, membocorkan, mendedahkan, menyiarkan atau selainnya menzahirkan apa-apa maklumat yang dikemukakan di bawah subseksyen (1)-

- (a) kepada mana-mana orang secara terkumpul atau mengikut kumpulan jika difikirkan patut olehnya untuk berbuat demikian, dan penzahiran itu hendaklah terbatas kepada maklumat yang tidak berkaitan dengan mana-mana satu institusi kewangan Labuan;
- (b) kepada pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan suatu institusi kewangan Labuan dan penzahiran itu bolehlah termasuk apa-apa maklumat yang berkaitan dengan mana-mana satu institusi kewangan Labuan di bawah pengawalseliaan pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan itu jika pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan itu mempunyai peruntukan yang perlu dalam dokumen konstituennya atau undang-undang yang bersamaannya untuk melindungi maklumat itu daripada penzahiran yang menyalahi undang-undang;
- (c) kepada agensi penguat kuasa undang-undang tempatan, jika terdapat syak yang munasabah berdasarkan keterangan yang diberikan kepada Lembaga tentang suatu kesalahan jenayah yang akan dilakukan atau sedang dilakukan atau telah dilakukan dengan syarat bahawa agensi penguat kuasa undang-undang tempatan itu telah menyempurnakan suatu aku janji kerahsiaan yang memihak kepada Lembaga yang berhubungan dengan apa-apa maklumat yang diberikan di bawah subseksyen ini;
- (d) menurut suatu perintah oleh mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa dalam apa-apa prosiding, jika perintah yang diperoleh telah diperoleh melalui suatu permohonan *ex-parte*, Lembaga boleh memberitahu orang yang tersentuh oleh perintah itu dan selepas menerima pemberitahuan itu, orang yang tersentuh itu bolehlah memfailkan permohonan yang perlu kepada mahkamah untuk menentang perintah itu atau selainnya mematuhi perintah itu dengan sewajarnya;

- (e) dengan keizinan institusi kewangan Labuan itu atau pelanggan institusi kewangan Labuan itu; atau
- (f) dalam melaksanakan apa-apa perkiraan undang-undang atau memorandum persefahaman atau perjanjian dengan mana-mana kerajaan asing atau pihak berkuasa pengawalseliaan asing yang dibuat oleh—
 - (i) Kerajaan Malaysia;
 - (ii) Lembaga dengan kelulusan Menteri; atau
 - (iii) mana-mana agensi penguat kuasa undang-undang tempatan yang berkaitan dengan kelulusan menteri yang berkaitan.

(7) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, Lembaga boleh menerima apa-apa maklumat daripada mana-mana orang atau pihak berkuasa dalam masa menjalankan mana-mana kuasa atau kewajipan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual.";

(e) dengan memotong subseksyen (8) dan (9);

(f) dengan menggantikan subseksyen (10) dengan subseksyen yang berikut:

"(10) Mana-mana orang yang mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan atau tidak tepat kepada Lembaga atau tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh-

- (a) dalam hal seseorang individu, didenda tidak melebihi satu juta dan lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) dalam hal suatu perbadanan atau perkongsian, boleh didenda tidak melebihi tiga juta ringgit."; dan

(g) dalam subseksyen (11), dengan menggantikan perkataan "subseksyen (6)" dan "enam bulan" dengan perkataan "subseksyen (5)" dan "satu tahun", masing-masingnya.

Seksyen baru 28BA

17. Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28B seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk melaporkan kesalahan yang disyaki dan keadaan yang tidak memuaskan"

28BA. (1) Jika Lembaga dalam menjalankan mana-mana kuasanya atau dalam menunaikan kewajipannya, atau dalam melaksanakan mana-mana fungsinya, di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, mengesyaki mana-mana orang telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, adalah sah bagi Lembaga untuk memberikan maklumat tentang pelakuan itu kepada pegawai polis yang menjaga balai polis atau kepada mana-mana pegawai polis lain, atau untuk menyampaikan apa-apa maklumat berhubung dengan kesalahan itu kepada mana-mana institusi bank, atau kepada mana-mana institusi kewangan lain atau orang lain yang tersentuh oleh kesalahan itu, atau kepada mana-mana pihak berkuasa atau orang yang mempunyai kuasa untuk menyiasat di bawah, atau untuk menguatkuasakan, peruntukan undang-undang yang di bawahnya kesalahan itu disyaki oleh Lembaga telah dilakukan.

(2) Lembaga boleh memberitahu pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan, di bawah syarat kerahsiaan, tentang apa-apa keadaan yang tidak memuaskan dalam suatu institusi kewangan Labuan jika Lembaga berpuas hati bahawa maklumat itu perlu bagi fungsi pengawalseliaan pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan itu.

(3) Subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya, walau apa pun apa-apa yang tidak selaras dengannya, atau berlawanan dengannya, dalam Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual atau dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain."

Penggantian seksyen 28c

18. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 28c dengan seksyen yang berikut:

"Pemeriksaan

28c. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga hendaklah, bagi maksud mentadbir, menguatkuasakan, menjalankan dan memberi kuat kuasa peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, mempunyai kuasa-

(a) untuk meminta, menyiasat dan memeriksa; atau

(b) untuk membuat salinan atau mengambil cabutan daripada,

apa-apa rekod, laporan atau dokumen daripada mana-mana institusi kewangan Labuan atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan mana-mana institusi kewangan Labuan.

(2) Mana-mana institusi kewangan Labuan yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."

Pindaan seksyen 28D

19. Seksyen 28D Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir" dengan perkataan "undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual";

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "pegawai penyiasat di bawah Akta ini" perkataan "atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual";

(c) dalam subseksyen (3)-

- (i) dengan memotong perkataan "dan Ketua Pengarah";
dan
- (ii) dengan memotong perkataan "atau Ketua Pengarah";
dan

(d) dengan memotong subseksyen (5) dan (6).

Seksyen baru 28E, 28F, 28G, 28H, 28I, 28J, 28K, 28L, 28M, 28N, 28O dan 28P

20. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28D seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk masuk, menggeledah dan menyita

28E. (1) Jika seseorang pegawai penyiasat berpuas hati, atau mempunyai apa-apa sebab untuk mengesyaki, bahawa seseorang telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, dia boleh, jika pada pendapatnya adalah semunasabahnya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyiasat kesalahan itu-

- (a) masuk ke dalam mana-mana premis sesuatu institusi kewangan Labuan atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan mana-mana institusi kewangan Labuan;
- (b) menggeledah premis itu bagi apa-apa harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen;
- (c) memeriksa, membuat salinan atau mengambil cabutan daripada apa-apa rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen yang disita dan ditahan sedemikian;
- (d) mengambil milik dan mengalihkan daripada premis itu, apa-apa harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen yang disita atau ditahan sedemikian dan menahannya bagi tempoh yang difikirkan perlu olehnya;

- (e) memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam, atau di, premis itu, jika pegawai penyiasat itu mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa ada pada orang itu apa-apa harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen, termasuklah dokumen peribadi, yang pada pendapat pegawai penyiasat itu, adalah perlu bagi maksud menyiasat apa-apa kesalahan jenayah;
- (f) memecah buka, memeriksa dan menggeledah apa-apa barang, bekas atau wadah; atau
- (g) memberhentikan, menahan atau menggeledah apa-apa kenderaan.

(2) Seseorang pegawai penyiasat boleh, jika perlu untuk berbuat demikian-

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis itu atau kenderaan dan masuk ke dalam premis atau kenderaan itu;
- (b) memindahkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan terhadap kemasukan, penggeledahan, penyitaan, penahanan atau pemindahan itu sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; atau
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di premis itu, atau di dalam kenderaan itu, sehinggalah penggeledahan itu selesai.

(3) Walau apa pun peruntukan di bawah Akta ini yang berlawanan, apa-apa penahanan mana-mana orang di bawah seksyen ini tidak boleh melebihi dua puluh empat jam tanpa kebenaran seorang Majistret.

(4) Seseorang pegawai penyiasat boleh menyita, mengambil milik, dan menahan selama apa-apa tempoh yang difikirkan perlu olehnya, apa-apa harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen yang dikemukakan di hadapannya semasa menjalankan penyiasatannya atau yang dijumpai pada orang yang sedang diperiksa olehnya.

(5) Suatu senarai kesemua benda yang disita dalam menjalankan suatu penggeledahan yang dibuat di bawah seksyen ini dan premis di mana barang tersebut masing-masing itu dijumpai hendaklah disediakan oleh pegawai penyiasat yang menjalankan penggeledahan itu dan ditandatangani olehnya.

(6) Penghuni premis yang dimasuki di bawah subseksyen (1), atau mana-mana orang bagi pihaknya, hendaklah dibenarkan hadir semasa penggeledahan itu, dan suatu salinan senarai yang disediakan dan ditandatangani di bawah seksyen ini hendaklah diserahkan kepada penghuni atau orang itu atas permintaannya.

(7) Walau apa pun peruntukan sebelum ini, tiada pegawai penyiasat Lembaga boleh masuk ke dalam mana-mana premis melalui penggunaan kekerasan tanpa waran penggeledahan yang dikeluarkan oleh seorang Majistret melainkan jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa kelengahan dalam mendapatkan waran penggeledahan itu akan menyebabkan apa-apa harta, rekod, laporan, objek, barang, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen boleh diganggu atau dimusnahkan atau matlamat apa-apa kemasukan mungkin terkecewa.

(8) Seseorang pegawai penyiasat hendaklah, melainkan jika diarahkan selainnya oleh mana-mana mahkamah—

- (a) apabila menutup suatu penyiasatan atau apa-apa prosiding yang berbangkit daripadanya; atau
- (b) dengan mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada pegawai atasannya, pada bila-bila masa sebelum menutup penyiasatan,

melepaskan mana-mana harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen yang disita, ditahan atau dialihkan olehnya, kepada mana-mana orang yang ditentukan olehnya berhak di sisi undang-undang kepada harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen itu jika dia berpuas hati bahawa harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen itu tidak diperlukan lagi bagi maksud apa-apa pendakwaan atau prosiding di bawah Akta ini, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

(9) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai penyiasat yang menyebabkan apa-apa pelepasan mana-mana harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen di bawah subseksyen (8) berkenaan dengan pelepasan itu yang menyatakan dengan terperinci hal keadaan dan sebab bagi, pelepasan itu.

(10) Jika pegawai penyiasat tidak dapat menentukan orang yang berhak di sisi undang-undang ke atas harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen lain itu atau jika terdapat lebih daripada seorang yang menuntut harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen lain itu, pegawai penyiasat itu hendaklah melaporkan perkara itu kepada seorang Majistret yang hendaklah kemudiannya memperlakukan harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 413 (2), (3) dan (4), seksyen 414, 415 dan 416 Kanun Tatacara Jenayah.

Kuasa untuk memeriksa orang

28F. (1) Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis, atau sumpah, aku janji atau kehendak kerahsiaan atau sulit yang berlawanan, atau suatu obligasi di bawah suatu perjanjian atau perkiraan, yang nyata atau tersirat, yang berlawanan, seseorang pegawai penyiasat yang menjalankan penyiasatan hendaklah mempunyai kuasa untuk mentadbir sumpah atau ikrar kepada orang yang diperiksa.

(2) Seseorang pegawai penyiasat yang menyiasat suatu kesalahan boleh-

- (a) memerintahkan mana-mana orang supaya hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan berhubung dengan apa-apa perkara yang boleh, pada pendapat pegawai penyiasat itu, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu;
- (b) memerintahkan mana-mana orang supaya mengemukakan kepadanya harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen atau apa-apa salinannya yang diperaku, atau apa-apa artikel lain yang boleh, pada pendapat pegawai penyiasat itu, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu; atau

(c) melalui notis bertulis menghendaki mana-mana orang supaya memberi suatu pernyataan bertulis yang dibuat dengan bersumpah atau dengan ikrar yang menerangkan dalamnya segala maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu, iaitu maklumat yang, pada pendapat pegawai penyiasat itu, akan dapat membantu dalam penyiasatan kesalahan itu.

(3) Perenggan (2)(b) tidak terpakai bagi lejar, buku harian, buku tunai, buku akaun dan semua buku atau dokumen lain yang digunakan dalam penjalanan biasa perniagaan sesuatu bank.

(4) Seseorang yang kepadanya suatu perintah di bawah perenggan (2)(a) telah diberikan hendaklah-

(a) hadir mengikut terma perintah itu untuk diperiksa, dan hendaklah terus hadir sedemikian dari sehari ke sehari apabila diarahkan sedemikian sehingga pemeriksaan itu selesai; dan

(b) sepanjang pemeriksaan itu, mendedahkan segala maklumat yang ada dalam pengetahuannya, atau yang ada padanya, berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengannya dia sedang diperiksa, dan menjawab apa-apa soalan yang ditanya dengan benar dan berdasarkan apa yang dia tahu dan percaya, dan tidak boleh enggan menjawab apa-apa soalan atas alasan bahawa soalan itu mungkin menunjukkan bahawa dia atau suami atau isterinya bersalah.

(5) Seseorang yang kepadanya suatu perintah telah diberikan di bawah perenggan (2)(b) tidak boleh menyembunyikan, memusnahkan, mengubah, mengalihkan dari Malaysia, atau mengurusniagakan, menjual, atau melupuskan apa-apa buku, rekod, laporan, dokumen atau barang yang dinyatakan dalam perintah itu, atau mengubah atau mencatitkan apa-apa catatan dalam mana-mana buku atau dokumen itu, atau menyebabkan supaya perbuatan itu dilakukan, atau membantu atau berkomplot untuk melakukan perbuatan itu.

(6) Seseorang yang kepadanya suatu notis bertulis telah diberikan di bawah perenggan (2)(c) hendaklah, dalam pernyataannya, memberikan dan mendedahkan dengan benar semua maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu yang berada dalam pengetahuannya, atau yang ada padanya, atau yang boleh didapati olehnya, dan tidak boleh enggan untuk memberikan atau mendedahkan maklumat itu atas alasan bahawa maklumat itu mungkin menunjukkan bahawa dia atau suami atau isterinya bersalah.

(7) Seseorang yang kepadanya suatu notis telah diberikan di bawah subseksyen (2) hendaklah mematuhi perintah atau notis itu dan subseksyen (4), (5) dan (6) walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan.

(8) Jika mana-mana orang mendedahkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa buku, rekod, laporan, dokumen atau barang menurut subseksyen (2), (4) dan (6), baik orang yang mula-mula disebutkan itu, mahupun mana-mana orang lain yang bagi pihak atau atas arahan atau sebagai ejen atau pekerjanya orang mula-mula disebut itu mungkin bertindak, tidak boleh disebabkan pendedahan atau pengemukakan itu, dikenakan apa-apa dakwaan kerana apa-apa kesalahan di bawah atau menurut kuasa mana-mana undang-undang, atau dikenakan apa-apa prosiding atau tuntutan oleh mana-mana orang di bawah atau menurut kuasa mana-mana perjanjian atau perkiraan atau selainnya.

(9) Seseorang pegawai penyiasat yang memeriksa seseorang di bawah perenggan (2)(a) hendaklah merekodkan secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang itu dan pernyataan yang direkodkan sedemikian hendaklah dibaca kepada dan ditandatangani oleh orang itu, dan jika orang itu enggan menandatangani rekod itu, pegawai itu hendaklah mengendorkan hakikat keengganan itu di bawah tandatangannya dengan menyatakan hal keengganannya tersebut dan sebab-sebab baginya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(10) Rekod sesuatu pemeriksaan di bawah perenggan (2)(a), atau pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar yang dibuat menurut perenggan (2)(c), atau apa-apa buku, rekod, laporan, dokumen atau barang yang dikemukakan di bawah perenggan (2)(b), atau selainnya dalam penjalanan sesuatu pemeriksaan di bawah perenggan (2)(a), atau di bawah suatu pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar yang dibuat menurut perenggan (2)(c), hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, tidak kira sama ada prosiding itu adalah terhadap orang yang telah diperiksa, atau yang mengemukakan buku, rekod, laporan, dokumen atau barang itu, atau yang telah membuat pernyataan bertulis dengan bersumpah atau ikrar, atau terhadap mana-mana orang lain.

(11) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, dikenakan denda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pemeriksaan ke atas seseorang

28G. (1) Seseorang pegawai penyiasat yang melakukan pemeriksaan ke atas mana-mana orang di bawah subseksyen 28E(1) boleh menahan orang itu selama apa-apa tempoh yang perlu untuk menjalankan pemeriksaan itu, yang tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi dua puluh empat jam tanpa kebenaran seorang majistret, dan boleh, jika perlu, memindahkan orang dalam jagaan ke tempat lain untuk memudahkan pemeriksaan itu.

(2) Tiada seorang pun boleh diperiksa di bawah Bahagian ini kecuali oleh seseorang pegawai penyiasat yang sama jantannya dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

Halangan terhadap penjalanan kuasa pegawai penyiasat

28H. (1) Mana-mana orang yang-

- (a) enggan memberikan mana-mana pegawai penyiasat akses kepada apa-apa premis atau enggan membenarkan dirinya diperiksa;
- (b) menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan seseorang pegawai penyiasat itu masuk sedangkan dia berhak untuk masuk;
- (c) tidak mematuhi apa-apa tuntutan sah daripada mana-mana pegawai penyiasat dalam melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Bahagian ini;
- (d) enggan memberikan kepada seseorang pegawai penyiasat apa-apa harta, dokumen atau maklumat yang mungkin semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang dia berkuasa untuk memberikannya;
- (e) tidak mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba untuk menyembunyikan daripada, seseorang pegawai penyiasat, apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen, yang dikehendaki oleh pegawai penyiasat itu;
- (f) menyelamatkan atau berusaha untuk menyelamatkan apa-apa benda yang telah disita dengan wajar;
- (g) memberi kepada seseorang pegawai penyiasat sebagai benar apa-apa maklumat yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk percaya adalah palsu; atau
- (h) sebelum atau selepas apa-apa penggeledahan atau penyitaan, memecah buka atau selainnya memusnahkan apa-apa benda untuk menghalang penyitaannya, atau pengambilan harta, rekod, laporan atau dokumen,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pemberian maklumat

28i. (1) Mana-mana orang yang-

- (a) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa seseorang pegawai penyiasat sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan, dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini atau mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau
- (b) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada seorang pegawai penyiasat di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin boleh menjejaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan penzahiran itu,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) menjadikannya suatu kesalahan jika seorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjanya menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain-

- (a) kepada kliennya atau wakil kliennya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada klien itu dalam menjalankan dan bagi maksud khidmat profesional peguambela dan peguamcara itu; atau
- (b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai berhubung dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang dizahirkan dengan tujuan untuk mencapai apa-apa maksud yang salah di sisi undang-undang.

(4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, adalah suatu pembelaan jika dibuktikan bahawa-

- (a) dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (2)(b) itu mungkin menjejaskan penyiasatan itu; atau
- (b) dia mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau alasan munasabah untuk membuat penzahiran itu.

Kebolehterimaan pernyataan orang tertuduh

28j. (1) Dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan oleh sesuatu mahkamah terhadap suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu boleh disamakan dengan suatu pengakuan atau tidak atau dalam bentuk lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa perjalanan penyiasatan atau tidak dan sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya pada menjawab soalan, oleh seseorang tertuduh kepada atau dengan didengar oleh mana-mana pegawai penyiasat Lembaga, agensi penguat kuasa, sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh mana-mana pegawai Lembaga atau mana-mana orang lain, sama ada yang terlibat atau tidak dalam penangkapan orang itu, hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan orang itu dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen itu jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu, yang datang daripada seseorang dalam Lembaga itu dan mencukupi, pada pendapat mahkamah itu, untuk memberi orang itu alasan yang pada pendapatnya munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa kesusahan dalam kehidupannya berkaitan dengan prosiding terhadapnya.

(3) Jika mana-mana orang ditangkap atau dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disampaikan padanya suatu notis bertulis, yang hendaklah diterangkan atau diterjemahkan kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang bermaksud seperti yang berikut:

"Kamu telah ditangkap/dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas (kesalahan jenayah yang mungkin dipertuduhkan). Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di mahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakannya sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu fakta itu ditulis, ini akan dilakukan."

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sesuatu pernyataan oleh mana-mana orang yang dituduh melakukan apa-apa kesalahan yang dibuat sebelum ada masa untuk menyampaikan notis di bawah subseksyen itu tidaklah menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata kerana tiada notis sedemikian disampaikan padanya jika notis sedemikian disampaikan padanya dengan seberapa segera yang semunasabahnya mungkin selepas pernyataan itu dibuat.

(5) Tiada pernyataan yang dibuat oleh seseorang tertuduh pada menjawab notis bertulis yang disampaikan padanya menurut subseksyen (3) boleh ditafsirkan sebagai pernyataan yang disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji sebagaimana yang diperihalkan dalam subseksyen (2), jika pernyataan itu dibuat selainnya dengan sukarela.

(6) Jika dalam mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang atas sesuatu kesalahan, keterangan diberikan bahawa tertuduh, apabila dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa kerananya, gagal menyatakan apa-apa fakta, iaitu fakta yang dalam hal keadaan yang wujud pada masa itu dia semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyatakannya apabila dimaklumkan sedemikian, maka mahkamah dalam menentukan sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh dan dalam menentukan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dipertuduhkan, boleh membuat apa-apa kesimpulan daripada kegagalan itu sebagaimana yang pada pendapatnya patut; dan kegagalan itu boleh, berasaskan kesimpulan itu, dikira sebagai, atau sebagai dapat disamakan dengan, sokongan apa-apa keterangan yang diberikan terhadap tertuduh yang berhubungan dengannya kegagalan itu merupakan suatu perkara material.

(7) Tiada apa-apa jua pun dalam subseksyen (6) boleh dalam mana-mana prosiding jenayah-

- (a) menjejaskan kebolehterimaan sebagai keterangan perbuatan berdiam diri atau apa-apa reaksi lain tertuduh semasa apa-apa jua pun dikatakan dalam kehadirannya berhubung dengan kelakuan yang berkenaan dengannya dia dipertuduh, setakat yang keterangan itu boleh diterima selain oleh sebab subseksyen itu; atau
- (b) dikira sebagai menghalang pembuatan apa-apa kesimpulan daripada apa-apa perbuatan berdiam diri atau reaksi lain tertuduh yang dapat dibuat selain oleh sebab subseksyen itu.

Kebolehterimaan pernyataan dan dokumen orang yang sudah mati atau tidak dapat dikesan

28K. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, dalam apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang yang disebut dalam Jadual-

- (a) apa-apa pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai penyiasat semasa sesuatu penyiasatan ke atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang yang disebut dalam Jadual; dan
- (b) mana-mana dokumen, atau salinan mana-mana dokumen, yang disita daripada mana-mana orang oleh seseorang pegawai penyiasat pada menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di Malaysia di hadapan mana-mana mahkamah, jika orang yang membuat pernyataan atau dokumen itu atau salinan dokumen itu sudah mati, atau tidak dapat dikesan atau ditemui, atau sudah menjadi tidak berupaya untuk memberikan keterangan, atau yang kehadirannya tidak dapat diperoleh tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat mahkamah adalah tidak munasabah.

Kebolehterimaan terjemahan dokumen

28L. (1) Jika apa-apa dokumen yang hendak digunakan dalam mana-mana presiding terhadap mana-mana orang adalah dalam sesuatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, terjemahan dokumen itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris hendaklah boleh diterima sebagai keterangan jika terjemahan itu disertakan dengan perakuan orang yang menterjemahkan dokumen itu yang menyatakan bahawa terjemahan itu suatu terjemahan yang tepat, benar dan betul dan terjemahan itu telah dibuat oleh orang itu atas kehendak pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga, Pendakwa Raya atau seseorang pegawai mana-mana agensi penguat kuasa undang-undang tempatan.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi sesuatu dokumen yang diterjemahkan, tidak kira sama ada dokumen itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada terjemahan itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada milikan dokumen itu telah diperoleh oleh pegawai diberi kuasa Lembaga, Pendakwa Raya atau seseorang pegawai mana-mana agensi penguat kuasa undang-undang tempatan atau pihak berkuasa pengawalseliaan asing di luar Malaysia.

Keterangan yang diambil di negara asing

28M. (1) Jika apa-apa keterangan diperoleh Lembaga di mana-mana kedutaan Malaysia, keterangan itu boleh diterima bagi mana-mana presiding undang-undang di Malaysia dan keterangan itu hendaklah disifatkan telah diperoleh di Malaysia, walau apa pun apa-apa yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "kedutaan Malaysia" ertinya kedutaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia dalam mana-mana Negara asing.

Kebolehterimaan pernyataan

28N. Rekod sesuatu pemeriksaan, apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen yang dikemukakan, atau apa-apa pernyataan yang direkodkan oleh Lembaga di bawah Akta ini hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah bagi, atau berhubung dengan, suatu kesalahan atau apa-apa perkara lain di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, tidak kira sama ada prosiding itu adalah terhadap orang yang diperiksa, atau yang mengemukakan harta, rekod, laporan atau dokumen itu, atau yang telah membuat pernyataan bertulis dengan bersumpah atau ikrar, atau terhadap mana-mana orang lain.

Perlindungan pemberi maklumat

28o. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika apa-apa aduan yang dibuat oleh seseorang pegawai Lembaga menyatakan bahawa aduan telah dibuat berikutan maklumat yang diterima oleh pegawai yang membuat aduan itu, identiti orang yang daripadanya maklumat itu diterima hendaklah menjadi rahsia antara pegawai yang membuat aduan itu dengan orang yang memberikan maklumat itu, dan segala yang terkandung dalam maklumat itu yang berhubungan dengan identiti orang yang memberikan maklumat itu, tidak boleh dizahirkan atau dikehendaki untuk dizahirkan dalam apa-apa prosiding sivil, jenayah atau prosiding lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau kuasa lain.

(2) Jika apa-apa buku, kertas atau dokumen lain, atau apa-apa rakaman visual atau rakaman bunyi, atau perkara lain atau bahan lain yang diberikan sebagai keterangan atau boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil, jenayah atau apa-apa prosiding lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) mengandungi apa-apa catatan atau perkara lain yang dalamnya mana-mana orang yang memberikan maklumat itu dinamakan atau diperihalkan atau ditunjukkan, atau yang mungkin menyebabkan dia diketahui, mahkamah yang di hadapannya prosiding itu diadakan hendaklah menyebabkan supaya semua bahagian daripadanya atau petikan di dalamnya ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan atau selainnya dialihkan setakat yang perlu untuk melindungi orang itu daripada diketahui.

(3) Mana-mana orang yang memberikan maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) yang mengetahui bahawa maklumat itu adalah palsu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan didenda tidak melebihi satu juta ringgit, dan bagi maksud apa-apa penyalahgunaan ke atas, atau pendakwaan, apa-apa kesalahan di bawah subseksyen ini, subseksyen (1) dan (2) tidak terpakai.

Bantuan kepada pihak berkuasa lain

28P. (1) Lembaga boleh atas inisiatifnya sendiri, atau atas permintaan sah mana-mana pihak berkuasa-

- (a) membekalkan kepada pihak berkuasa yang meminta suatu salinan apa-apa harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen yang disita, yang ditahan atau diambil milik di bawah seksyen 28E atau dikemukakan di bawah perenggan 28F(2)(b), atau apa-apa pernyataan bertulis dengan bersumpah atau ikrar yang dibuat di bawah perenggan 28F(2)(c), atau apa-apa rekod pemeriksaan yang dibuat di bawah subseksyen 28F(9), atau selainnya dalam perjalanan apa-apa pemeriksaan di bawah seksyen 28F, dan pihak berkuasa yang meminta itu bolehlah menggunakan salinan harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen atau rekod pemeriksaan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat berhubung dengan perjalanan kuasanya, pelaksanaan fungsinya, atau penunaian tugas-tugasnya, berkenaan dengan mana-mana orang; atau
- (b) membenarkan pihak berkuasa yang meminta itu mendapat akses kepada dan memeriksa mana-mana harta, rekod, laporan, objek, artikel, bahan, benda, buku, buku minit, akaun, daftar atau dokumen yang telah dikemukakan sebelum ini, atau disita, ditahan atau diambil milik, oleh seseorang pegawai penyalahgunaan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, dan pihak berkuasa yang meminta itu boleh menggunakan apa-apa pengetahuan yang diperoleh daripada apa yang di akses atau daripada pemeriksaan itu sebagaimana yang perlu atau suai manfaat berhubung dengan perjalanan kuasanya, pelaksanaan fungsinya atau penunaian tugas-tugasnya, berkenaan dengan mana-mana orang.

(2) Jika Lembaga bersetuju untuk memberikan apa-apa bantuan itu kepada pihak berkuasa yang meminta itu, Lembaga boleh menjalankan segala atau sebahagian daripada kuasa pegawai penyiasat itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual atau di bawah undang-undang yang ditadbir oleh pihak berkuasa yang meminta itu.

(3) Tiada apa-apa jua pun dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai memberi kuasa kepada pihak berkuasa yang meminta itu untuk membocorkan, membuka, mendedahkan atau selainnya menyiarkan maklumat atau bahan yang didapati olehnya melalui subseksyen (1) tanpa keizinan Lembaga."

Pindaan seksyen 29

21. Subseksyen 29(2) Akta ibu dipinda-

(a) dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan (e);
dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

"(ea) kesemua wang yang dipungut oleh Lembaga bagi apa-apa penalti pentadbiran di bawah seksyen 36G atau di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual; dan".

Pindaan seksyen 32 dan 32A

22. Seksyen 32 dan 32A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "luar pesisir" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Labuan".

Penggantian seksyen 36

23. Akta ini dipinda dengan menggantikan seksyen 36 dengan seksyen yang berikut:

"Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang

36. (1) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa yang lain terhadap-

- (a) Menteri;
- (b) Lembaga;
- (c) mana-mana anggota, pegawai, jawatankuasa, pekhidmat, ejen Lembaga; atau
- (d) mana-mana orang lain yang bertindak mengikut undang-undang bagi pihak, atau sebagai mematuhi arahan Lembaga,

bagi atau oleh sebab, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, atau yang berupa sebagai dilakukan atau dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, menurut atau dalam melaksanakan atau yang diniatkan menurut atau untuk melaksanakan, Akta ini, atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, atau apa-apa garis panduan, arahan, maklumat atau benda lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual jika perbuatan atau pernyataan itu dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

(2) Bagi maksud Bahagian IIA, tiada tindakan guaman atau pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau boleh dibawa atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa lain terhadap mana-mana orang yang mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Bahagian IIA.

(3) Peruntukan sebelum ini adalah merupakan tambahan kepada, dan bukan mengurangkan, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*], dan bagi maksud Akta itu, tiap-tiap orang yang disebut dalam peruntukan sebelum ini hendaklah disifatkan sebagai pegawai awam atau seseorang yang terlibat atau yang diambil bekerja bagi melaksanakan kewajipan awam."

Penggantian seksyen 36A

24. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 36A dengan seksyen yang berikut:

"Pewakilan dalam prosiding sivil

36A. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain-

- (a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Lembaga; atau
- (b) dalam mana-mana prosiding sivil lain yang Lembaga dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili atau didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga bagi maksud itu boleh, bagi pihak Lembaga, memulakan prosiding itu atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat segala kehadiran dan permohonan dan melakukan segala tindakan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Lembaga.

(2) Bagi maksud seksyen ini, mana-mana orang termasuklah—

- (a) mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Lembaga yang telah diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];
- (b) mana-mana peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak; atau
- (c) seorang peguam persekutuan atau peguam kanan persekutuan di Jabatan Peguam Negara."

Seksyen baru 36AA

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36A seksyen yang berikut:

"Kuasa tambahan Lembaga

36AA. (1) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, Lembaga hendaklah mempunyai *locus standi* atau hak undang-undang—

- (a) untuk hadir, memulakan dan menjalankan prosiding (sama ada sivil atau jenayah) dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan fungsinya dan kuasanya di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) untuk memohon dan memperoleh relief yang tersedia ada bagi mana-mana litigan sivil termasuklah tetapi tidak terhad kepada relief di bawah Akta Relief Spesifik 1950 [Akta 137];
- (c) untuk mendapatkan panduan dan arahan daripada Mahkamah Tinggi tentang apa-apa perkara undang-undang atau tentang tafsiran atau pelaksanaan mana-mana peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual; dan
- (d) untuk campur tangan dalam mana-mana prosiding yang dalamnya institusi kewangan Labuan merupakan suatu pihak.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Lembaga boleh menuntut bagi mendapatkan balik fi, jumlah wang yang kena dibayar di bawah Akta ini atau kos perundangan yang dilakukan dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini daripada orang atau institusi kewangan Labuan yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan."

Pindaan seksyen 36B

26. Seksyen 36B Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Ketua Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Lembaga".

Pindaan seksyen 36c

27. Seksyen 36c Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "luar pesisir" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Labuan".

Seksyen baru 36D, 36E, 36F, 36G, 36H dan 36I

28. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36c seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk mendakwa kesalahan

36D. (1) Mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga boleh, dengan kebenaran secara bertulis oleh Pendakwa Raya, mendakwa dalam mana-mana mahkamah apa-apa kes berkenaan dengan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Bagi maksud seksyen 380 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], seseorang pegawai atau pekerja Lembaga yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai awam.

(3) Bagi maksud seksyen ini, mana-mana orang hendaklah termasuk-

- (a) mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Lembaga yang telah diterima masuk sebagai seorang peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976; atau
- (b) mana-mana peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Permohonan bagi penggulungan

36E. (1) Walau apa pun peruntukan Akta Syarikat 1965 atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, mana-mana perbadanan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*], sama ada atau tidak perbadanan itu sedang digulung secara sukarela, boleh digulung di bawah suatu perintah mahkamah atas petisyen Lembaga, mengikut peruntukan Akta Syarikat Labuan 1990.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan penggulungan atas petisyen yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika perbadanan yang disebut dalam subseksyen (1)-

(a) telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990, dan bahawa pendaftaran itu telah dibatalkan atau diserahkan balik; atau

(b) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, sama ada atau tidak perbadanan itu telah dipertuduh dengan suatu kesalahan berkenaan pelanggaran itu, atau sama ada atau tidak pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan.

Hukuman kewangan tambahan

36F. Jika seseorang telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, mahkamah boleh, jika ia berpuas hati bahawa oleh sebab pelakuan kesalahan itu orang disabitkan itu memperoleh faedah kewangan atau faedah kewangan itu terakru bagi manfaat orang itu, memerintahkan orang yang disabitkan itu untuk membayar, walau apa pun amaun maksimum apa-apa denda yang selainnya boleh dikenakan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, suatu denda tambahan dalam amaun yang bersamaan dengan amaun faedah kewangan yang dianggarkan oleh mahkamah.

Kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran

36G. (1) Lembaga boleh mengenakan penalti pentadbiran ke atas mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum membuat keputusan untuk mengenakan penalti pentadbiran ke atas seseorang, menyampaikan notis bertulis kepada orang itu supaya menunjukkan sebab mengapa penalti pentadbiran tidak patut dikenakan ke atasnya.

(3) Jika suatu penjelasan yang memuaskan tidak diterima dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu, Lembaga boleh mengenakan penalti pentadbiran dalam amaun yang tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari berlakunya ketidakpatuhan itu dan apa-apa amaun itu tidak boleh melebihi jumlah sepuluh ribu ringgit.

(4) Jika seseorang tidak membayar penalti pentadbiran yang dikenakan oleh Lembaga di bawah subseksyen (3), penalti yang dikenakan oleh Lembaga boleh diambil guaman terhadapnya dan didapatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Lembaga."

Injunksi atau relief lain

36H. (1) Lembaga boleh memohon kepada Hakim dalam Kamar atau kepada mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten bagi sesuatu perintah berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan fungsinya di bawah seksyen 4.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), sesuatu perintah di bawah subseksyen itu boleh mengarahkan orang itu untuk membuat apa-apa perbuatan yang dinyatakan atau menahan daripada membuat apa-apa perbuatan yang dinyatakan, bagi maksud-

- (a) menghalang atau menghentikan apa-apa pelanggaran peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) memaksa mana-mana orang untuk mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen 4B;
- (c) meremedi kesan apa-apa pelanggaran peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual;
- (d) pemeliharaan aset; atau
- (e) membayar pampasan kepada orang yang mengalami kerugian akibat pelanggaran itu.

(3) Jika Lembaga membuat suatu permohonan kepada mahkamah bagi pemberian injunksi atau suatu perintah di bawah seksyen ini, mahkamah boleh, jika difikirkan adil dan saksama untuk berbuat demikian, tidak menghendaki Lembaga, sebagai syarat bagi pemberian injunksi atau perintah itu, memberikan apa-apa aku janji berkenaan ganti rugi.

(4) Mana-mana orang yang melanggar suatu injunksi atau suatu perintah yang diberikan oleh mahkamah di bawah seksyen ini yang terpakai baginya melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(5) Jika mahkamah telah memberikan suatu injunksi atau suatu perintah di bawah seksyen ini, mahkamah boleh, atas permohonan oleh mana-mana orang yang tersentuh oleh injunksi atau perintah itu, membatalkan atau mengubah injunksi atau perintah itu.

(6) Subseksyen (4) tidak menjejaskan kuasa mahkamah berhubung dengan hukuman bagi penghinaan mahkamah.

(7) Sementara menunggu penyelesaian suatu injunksi atau suatu perintah oleh mahkamah di bawah seksyen ini, Lembaga boleh, jika ia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu institusi kewangan Labuan—

- (a) berkemungkinan tidak berupaya untuk mengekalkan *status quo* harta dalam atau di bawah milikannya atau kawalannya;
- (b) berkemungkinan akan melarikan diri dengan harta itu atau melakukan apa-apa perbuatan seumpamanya;
- (c) berkemungkinan akan memindahkan harta itu ke mana-mana tempat, lokasi atau bidang kuasa yang akan menghalang mana-mana prosiding yang akan berlaku atau penghakimannya; atau
- (d) berkemungkinan akan menguruskan harta itu dengan cara yang memudaratkan mana-mana pihak berkepentingan termasuklah pelaburnya, benefisiarinya dan Lembaga, mengeluarkan suatu perintah yang membekukan mana-mana harta orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, di mana jua harta itu terdapat, atau dalam milikannya, di bawah kawalannya atau yang kena dibayar daripada mana-mana sumber kepadanya.

(8) Suatu perintah di bawah subseksyen (7) boleh termasuk-

- (a) suatu perintah untuk mengarahkan harta itu, atau sebahagian daripada harta itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, untuk tidak dilupuskan, atau selainnya diuruskan, oleh mana-mana orang, kecuali dengan cara dan dalam hal keadaan, jika ada, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; dan
- (b) suatu perintah untuk membenarkan mana-mana pegawainya untuk menjaga dan mengawal harta, atau sebahagian daripada harta itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu jika Lembaga berpuas hati bahawa hal keadaan itu sedemikian diperlukan.

(9) Suatu perintah di bawah subseksyen (7) hendaklah terhenti berkuat kuasa selepas tiga puluh hari dari tarikh perintah itu.

(10) Tiada apa pun dalam seksyen ini boleh menghalang kuasa mahkamah, selepas permohonan mana-mana orang terkilan dengan perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (7), untuk mengetepikan perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (7).

(11) Apabila luput perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (7), Lembaga boleh memohon kepada Mahkamah untuk melanjutkan kesahan perintah itu kepada suatu tempoh yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

(12) Lembaga tidak bertanggungjawab bagi apa-apa ganti rugi atau kos yang berbangkit secara langsung atau tidak langsung daripada pembuatan perintah di bawah seksyen ini melainkan jika dapat dibuktikan bahawa perintah di bawah subseksyen (7) tidak dibuat dengan suci hati.

Audit khas

36i. (1) Jika terdapat kegagalan di pihak mana-mana institusi kewangan Labuan atau mana-mana orang untuk mematuhi peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual, Lembaga boleh mengeluarkan suatu arahan di bawah seksyen 4B untuk memaksa institusi kewangan Labuan itu untuk melantik seorang juruaudit khas untuk menjalankan audit khas ke atas institusi kewangan Labuan itu.

(2) Juruaudit khas yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah mengemukakan laporannya kepada Lembaga dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Seorang juruaudit khas di bawah seksyen ini hendaklah termasuk seorang "juruaudit yang diluluskan" yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Syarikat Labuan 1990."

Pindaan seksyen 37

29. Subseksyen 37(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Menteri boleh" perkataan ", atas syor Lembaga,".

Seksyen baru 38A, 38B, 38C, 38D dan 38E

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 38 seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk meminda Jadual

38A. Menteri boleh, atas syor Lembaga, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

Penyampaian dokumen kepada institusi kewangan Labuan

38B. (1) Apa-apa dokumen atau notis yang dikehendaki untuk disampaikan oleh Lembaga kepada sesuatu institusi kewangan Labuan boleh disampaikan dengan-

(a) meninggalkannya di pejabat berdaftar institusi kewangan Labuan itu; atau

(b) menghantarkannya melalui pos ke pejabat berdaftar institusi kewangan Labuan itu.

(2) Jika dokumen atau notis itu telah disampaikan mengikut subseksyen (1), dokumen atau notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan dengan sewajarnya kepada institusi kewangan Labuan itu.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

38c. (1) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota Lembaga, mana-mana anggota suatu jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekerja atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dibuat atau ditinggalkan olehnya atas sifatnya itu.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah bagi maksud memakai Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, disifatkan sebagai seorang pegawai awam atau seseorang yang terlibat atau yang diambil bekerja bagi melaksanakan kewajipan awam.

Percanggahan undang-undang

38d. Jika terdapat percanggahan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan perkhidmatan kewangan Labuan, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi.

Tatacara jika tiada yang ditetapkan

38E. Sekiranya apa-apa perbuatan atau langkah dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan atau diambil di bawah Akta ini atau undang-undang yang disebut dalam Jadual dan tiada cara atau tatacara ditetapkan sama ada dalam Akta ini atau peraturan-peraturan, permohonan boleh dibuat kepada Lembaga untuk arahan tentang cara yang mengikutnya perbuatan atau langkah itu boleh dilakukan atau diambil, dan apa-apa perbuatan atau langkah yang dilakukan atau diambil mengikut arahan Lembaga hendaklah menjadi pelaksanaan yang sah perbuatan atau langkah itu."

Jadual baru

31. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 39 Jadual yang berikut:

"JADUAL

1. Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*]
2. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*]
3. Akta Amanah Labuan 1996 [*Akta 554*]
4. Akta Yayasan Labuan 2009
5. Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009
6. Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2009
7. Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009".

Pertukaran nama Lembaga dan Tabung Kebajikan Kakitangan

32. (1) Semua sebutan mengenai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

(2) Pertukaran nama "Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan" kepada "Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan" pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini tidaklah menyentuh apa-apa hak atau obligasi Lembaga atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya, dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan olehnya atau terhadapnya sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini bolehlah diteruskan atau dimulakan di bawah namanya yang baru.

(3) Semua tindakan, peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan, garis panduan dan tindakan eksekutif yang lain yang dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini, dan hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya berhubungan dengan orang yang baginya ia terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan atau dibatalkan di bawah, mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini.

(4) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang disempurnakan oleh Lembaga di bawah meterai perbadanan "Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan" sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(5) Semua wang yang terkandung dalam atau yang kena dibayar kepada Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 18A Akta ibu hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, dipindahkan ke dalam dan disifatkan menjadi sebahagian daripada Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 ("Akta 545").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 545 dengan memotong perkataan "Luar Pesisir".

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda tajuk ringkas Akta 545 dengan memotong perkataan "Luar Pesisir".

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 545 untuk memasukkan takrif baru dan meminda takrif yang sedia ada yang digunakan dalam Akta 545.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 545 untuk meluaskan dan menjelaskan matlamat Lembaga bagi mengungkapkan dengan lebih baik peranan Lembaga sebagai pihak berkuasa pusat bagi penyediaan dan pengawalseliaan sektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan di Labuan.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 545 untuk menambah dan menjelaskan fungsi berkanun Lembaga dengan mengambil kira kuasa pengawalseliaannya dan kuasa penguatkuasaannya dan untuk mengadakan peruntukan bagi sebutan mengenai undang-undang yang ditadbir oleh Lembaga sebagai "undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual". Bagi maksud menjelaskan dan memudahkan rujukan, Jadual mengandungi undang-undang yang ditadbir oleh Lembaga. Selanjutnya, subseksyen (5) dan subseksyen (6) di bawah seksyen 4 dipotong dan dimasukkan di bawah seksyen baru 4B.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A, 4B dan 4C ke dalam Akta 545. Seksyen 4A adalah berhubung dengan kuasa Lembaga untuk mengeluarkan garis panduan secara am. Seksyen 4B adalah berhubung dengan kuasa Lembaga untuk mengeluarkan arahan dan seksyen 4C adalah berhubung dengan kuasa Lembaga untuk menyiarkan maklumat.

9. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 545 dengan memasukkan selepas perkataan "fungsi kuasa" perkataan "di bawah Akta dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual" untuk meluaskan kuasa untuk mewakilkan oleh Lembaga.

10. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 545 untuk menjelaskan bahawa kuasa Lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa berkenaan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta 545 adalah termasuk juga fungsinya di samping di bawah undang-undang yang ditadbir oleh Lembaga.

11. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda tajuk Bahagian IIA bagi menjadikannya lebih jelas.

12. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 28A Akta 545. Takrif "pihak berkuasa" digantikan dengan takrif yang lebih luas. Selanjutnya, takrif "kesalahan jenayah" ditambah untuk memasukkan ruang lingkup yang lebih luas bagi kesalahan. Selanjutnya, takrif "kemudahan kredit", "pemegang lesen", "pengurus kumpulan wang", "penyimpan" dan "syarikat amanah" dipotong. Fasal 15 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan takrif "pegawai polis", dan "harta".

13. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 28B Akta 545 dengan menggantikan subseksyen (5), (6) dan (7) dengan subseksyen baru mengenai pengemukaan maklumat. Subseksyen (10) digantikan untuk menjelaskan bahawa adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang yang mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan atau tidak tepat kepada Lembaga atau tidak mematuhi seksyen 28B Akta 545.

14. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan suatu seksyen baru 28BA untuk memberi kuasa kepada Lembaga untuk melaporkan kesalahan yang disyaki dan jika berlaku keadaan yang tidak memuaskan.

15. *Fasal 18* bertujuan untuk menggantikan seksyen 28c Akta 545 untuk menambahkan kuasa Ketua Pengarah Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk memeriksa mana-mana orang atau untuk memeriksa atau membuat salinan apa-apa dokumen.

16. *Fasal 19* bertujuan untuk menggantikan seksyen 28D Akta 545 untuk memotong subseksyen (5) dan (6). Kuasa seseorang pegawai penyiasat termasuk juga kuasa yang berkenaan di bawah undang-undang yang ditadbir oleh Lembaga.

17. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 28E, 28F, 28G, 28H, 28I, 28J, 28K, 28L, 28M, 28N, 28O dan 28P ke dalam Akta 545 yang berhubung dengan kuasa penguatkuasaan Lembaga dan untuk kebolehterimaan keterangan yang diperoleh. Seksyen 28E adalah berhubung dengan kuasa untuk masuk, penggeledahan dan penyitaan mana-mana pegawai penyiasat. Seksyen 28F adalah berhubung dengan kuasa untuk memeriksa orang. Seksyen 28G memberi kuasa kepada pegawai penyiasat untuk melakukan pemeriksaan ke atas mana-mana orang. Seksyen 28H menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menghalang apa-apa penyiasatan sementara seksyen 28I menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk memberikan maklumat tentang apa-apa penyiasatan. Seksyen 28J, 28K dan 28L adalah berhubung dengan kebolehterimaan keterangan. Seksyen 28M adalah berhubung dengan kebolehterimaan keterangan yang diambil dalam mana-mana kedutaan Malaysia di luar negeri. Seksyen 28O adalah berhubung dengan perlindungan pemberi maklumat. Seksyen 28N dan 28P selanjutnya menambahkan kuasa Lembaga untuk bekerjasama dengan agensi penguat kuasa undang-undang yang lain. Kuasa-kuasa ini adalah serupa dengan peruntukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613].

18. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta 545 untuk memasukkan subseksyen baru (*ea*) untuk memperuntukkan bahawa apa-apa wang yang diterima oleh Lembaga di bawah seksyen 36G dalam bentuk penalti pentadbiran hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang.

19. *Fasal 23* bertujuan untuk menggantikan seksyen 36 Akta 545 dengan seksyen 36 baru untuk memperuntukkan imuniti bagi Menteri, Lembaga atau mana-mana orang lain yang bertindak bagi pihak Lembaga bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dibuat dengan suci hati.

20. *Fasal 24* bertujuan untuk menggantikan seksyen 36A dengan seksyen 36A baru untuk memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik mana-mana orang bagi mewakili Lembaga dalam apa-apa prosiding sivil.

21. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 36AA bagi mengadakan kuasa tambahan Lembaga berkenaan dengan apa-apa prosiding sivil. Di bawah seksyen baru 36AA yang dicadangkan, Lembaga hendaklah diberikan *locus standi* untuk memulakan dan menjalankan apa-apa prosiding sivil berkenaan dengan matlamatnya dan fungsinya dan untuk memohon kepada Mahkamah bagi relif yang perlu.

22. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 36B dengan menggantikan perkataan "Ketua Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Lembaga".

23. *Fasal 28* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 36D, 36E, 36F, 36G, 36H dan 36I. Seksyen 36D mengadakan peruntukan bagi kuasa Lembaga untuk mendakwa apa-apa kesalahan di bawah Akta 545 dan undang-undang yang ditadbir oleh Lembaga dengan kebenaran bertulis Peguam Negara. Seksyen 36E mengadakan peruntukan bagi kuasa Lembaga untuk memohon kepada Mahkamah untuk menggulung mana-mana syarikat Labuan jika syarikat itu telah melanggar mana-mana undang-undang. Seksyen 36F memberi kuasa kepada Lembaga untuk memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan balik apa-apa keuntungan kewangan yang diperoleh oleh mana-mana orang yang disabitkan walau apa pun penalti yang dikenakan oleh statut yang berkaitan. Seksyen 36G memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengenakan penalti pentadbiran. Seksyen 36H memberi kuasa kepada Lembaga untuk memohon kepada Mahkamah bagi injunksi atau relief lain sebagaimana yang difikirkan perlu. Seksyen 36I memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengarahkan pelantikan juruaudit khas untuk menjalankan audit khas ke atas mana-mana institusi kewangan Labuan apabila terdapat kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau undang-undang yang ditadbir oleh Lembaga.

24. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 37 Akta 545 untuk menyatakan bahawa Menteri boleh membuat peraturan-peraturan atas syor Lembaga.

25. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 38A, 38B, 38C, 38D dan 38E ke dalam Akta 545. Seksyen 38A memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda Jadual dalam Akta 545. Seksyen 38B mengadakan peruntukan bagi kaedah penyampaian dokumen kepada institusi kewangan Labuan. Seksyen 38C mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam [Akta 198] bagi Lembaga. Seksyen 38D mengadakan peruntukan bahawa peruntukan Akta 545 hendaklah mengatasi sekiranya terdapat percanggahan dengan perundangan Labuan lain. Seksyen 38E mengadakan peruntukan bahawa permohonan boleh dibuat kepada Lembaga bagi arahan jika tiada kaedah ditetapkan dalam Akta 545 atau peraturan-peraturannya.

26. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda Akta 545 dengan menyenaraikan undang-undang yang ditadbir oleh Lembaga dalam Jadual.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2668]